

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5 June 2015

Dr. Mahathir diberi peluang bertanya

UM-5161 2015

KUALA LUMPUR 4 Jun - Sesi dialog bersama Perdana Menteri bertema 'Nothing To Hide' anjuran Pertubuhan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam) esok, bakal memberi peluang kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mengajukan soalan kepada Datuk Seri Najib Tun Razak.

Presiden SukaGuam, Datuk Khairul Anwar Rahmat berkata, perkara itu selaras dengan kesediaan Perdana Menteri dalam menjawab sebarang persoalan mengenai isu-isu semasa pada sesi dialog di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) itu.

Jelas Khairul Anwar, beliau selaku moderator pada sesi berkenaan akan memberi peluang kepada hadirin termasuk Dr. Mahathir untuk mengajukan soalan menggunakan mikrofon yang disediakan dalam dewan tersebut.

"Mungkin Dr. Mahathir ingin mengajukan soalan-soalannya, lada akan beri peluang kepada beliau untuk bertanya. Dengan syarat, beliau perlu mengangkat tangan untuk gilirannya.

"Namun begitu, kita harap sesi dialog ini berjalan dalam suasana boleh dikawali ia bukan medan untuk mencari siapa benar atau salah tetapi platform bagi meleraikan ikatan yang telah lama tersimpul," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Medte-media sosial hari ini melaporkan bahawa Dr. Mahathir dikatakan telah mengesahkan kehadirannya pada sesi dialog berkenaan esok.

Penganjuran program dialog ini bertujuan untuk menjelaskan segala kemusykilan mengenai pelbagai isu yang timbul seperti kepimpinan kerajaan, ekonomi dan semasa kepada aktivis dan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Mengulas lanjut, Khairul Anwar berkata, kehadiran Dr. Mahathir pastinya akan menyerikan sesi dialog berkenaan dan melihat kehadiran negarawan itu sebagai langkah pertama untuk meleraikan isu-isu berbangkit.

"Sebab namanya pun Nothing To Hide (Tiada Apa Untuk Diselindungkan), ini mencerminkan Perdana Menteri sudah cukup bersedia menjawab sebarang persoalan," katanya.